

Jumaat, 12 Jun 2020 | 11:42pm



Pekerja dan pelanggan di sebuah kedai gunting rambut yang beroperasi semula ketika PKPP. -  
FOTO BERNAMA

## Khidmat gunting rambut: Caj tambahan hanya 2 barang kegunaan pelanggan - KPDNHEP

**KUALA LUMPUR:** Penyedia perkhidmatan dandanan dan gunting rambut hanya dibenar mengenakan caj tambahan untuk dua barang kegunaan pelanggan, iaitu alas gunting rambut pakai buang serta set sarung tangan.

Pengarah Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata peniaga perlu berkenaan perlu memastikan caj itu berpatut dengan merujuk kos belian bagi penggunaan setiap barang terbabit.

"Ini bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap peniaga.

"Saya faham bahawa peniaga perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi pembukaan perkhidmatan itu yang menyebabkan pertambahan kos operasi.

"Namun, ia adalah kebiasaan baharu yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan penularan COVID-19," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau memaklumkan, KPDNHEP telah memantau dan membuat pemeriksaan ke atas 51 premis bagi 274 perkhidmatan gunting rambut di seluruh negara sejak 10 Jun lalu melalui tindakan bawah OPS CATUT 7.0 (Dandan dan Gunting Rambut).

Daripada jumlah itu, 250 notis telah dikeluarkan bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 pada hari sama, manakala peniaga didapati menaikkan caj perkhidmatan diarah untuk menurunkan kepada caj asal.

Iskandar Halim berkata, tindakan tegas akan diambil ke atas peniaga yang gagal atau enggan mematuhi arahan itu bawah AKHAP 2011 serta boleh didenda hingga RM500,000.

"Pada 9 Jun lalu, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP telah mengadakan sesi libat urus dengan wakil daripada tujuh persatuan penyedia perkhidmatan dandan dan gunting rambut untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung kos langsung ditanggung peniaga berikutnya pematuhan SOP.

"Hasil mesyuarat itu mencapai persetujuan agar peniaga tidak menaikkan kadar upah bagi perkhidmatan gunting rambut, dan mengenakan caj tambahan terhadap pengguna bagi penyediaan dua barang itu sahaja," katanya.

Kerajaan telah membenarkan sektor perkhidmatan gunting rambut beroperasi semula ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula kelmarin. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/699731/khidmat-gunting-rambut-caj-tambahannya-2-barang-kegunaan-pelanggan>